

12/07/2000

Syor perangi ajaran sesat habis-habisan

Azmi Md Deros

IPOH, Selasa - Pihak berkuasa disaran memerangi kegiatan penyebaran ajaran sesat sehingga ke akar umbi tanpa hanya menumpukan kepada kumpulan yang mencetuskan keganasan.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Agama Islam negeri, Datuk Dr Abdul Malek Hanafiah, berkata gerakan yang menyeluruh itu perlu dilaksanakan kerana kumpulan kecil dan tidak berbahaya pada masa sekarang jika dibiarkan boleh menimbulkan ancaman apabila ia semakin berkembang dan mempunyai pengikut yang fanatik pada masa depan.

Beliau berkata, sebagai contoh, antara ajaran yang perlu dibanteras, termasuk yang disebarkan pihak yang berkepentingan politik kononnya dengan memilih sesuatu parti mereka boleh masuk syurga, selain golongan anti hadis yang nyata bertentangan dengan fahaman ahli Sunnah Wal-Jamaah.

Katanya, peristiwa Memali pada 1980-an adalah bukti jelas fahaman yang dibangkitkan oleh kumpulan politik itu tidak boleh dipandang ringan.

"Penyelewengan yang dilakukan pihak tertentu untuk kepentingan politik itu kerap kita dibangkitkan pada waktu pilihan raya, namun tiada sebarang langkah konkrit yang diambil untuk membetulkan keadaan walaupun ternyata ramai umat Islam yang terpengaruh.

"Selain itu, golongan anti hadis masih wujud di negara ini dan umat Islam tidak boleh pandang ringan kerana jika dibiarkan pengaruh ajaran itu mampu merebak terutama kepada mereka yang cetek pengetahuan asas agama.

"Dalam hal ini, Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (Jakim) perlu membuat perancangan yang rapi untuk membanteras fahaman yang menyeleweng ini daripada terus disebarkan," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai langkah yang sepatutnya diambil pihak berkuasa dalam usaha membanteras ajaran sesat di negara ini.

Sehubungan itu, Dr Abdul Malek turut mencadangkan kerajaan menubuhkan institut khusus memberi tumpuan dalam mengkaji hadis, memandangkan kemudahan itu masih belum ada di negara ini, sedangkan ia sama penting dengan cabang pengajian agama yang lain.

"Antara punca wujudnya ajaran yang menyeleweng itu disebabkan mereka tidak mengkaji hadis secara mendalam menyebabkan golongan itu terlalu mudah menolak sunnah Rasulullah Nabi Muhammad serta mentafsirkan al-Quran mengikut pemahaman sendiri," katanya.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tidak menolak kemungkinan ada pihak yang bersimpati dengan Kumpulan Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah Malaysia (Al-Ma'unah) menggunakan saluran tertentu, termasuk khutbah Jumaat untuk mendapatkan sokongan umat Islam terhadap perjuangan mereka, Dr Abdul Malek berkata:

"Kerajaan negeri sudah mengarahkan Jabatan Agama Islam Perak (Jaip) memastikan hanya teks khutbah Jumaat yang disediakan oleh panel penulisan khutbah digunakan bagi mengelakkan pihak tertentu mengambil kesempatan."

Dalam kejadian 2 Julai lalu, sekumpulan lelaki memakai seragam tentera melarikan pelbagai jenis senjata api dari kem Batalion 304 Askar Wataniah (AW) Grik, sebelum berkubu di Bukit Jenalik, Sauk, Kuala Kangsar.

Kumpulan itu yang diketuai Mohd Amin Razali, bagaimanapun menyerah diri setelah dikepung selama empat hari.

(END)